# HUKUM BERKAITAN RAMBUT MANUSIA DI DALAM FIQH ISLAM

**SITI FARIDATULMJIDAH BINTI HAJI MOKSIN**

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**
**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1437H/2015M**

# HUKUM BERKAITAN RAMBUT MANUSIA DI DALAM FIQH ISLAM

**SITI FARIDATULMJIDAH BINTI HAJI MOKSIN**
**12MR112**

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi ijazah
SARJANA SYARIAH

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang**
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**
**Negara Brunei Darussalam**

**Rabiulawal 1437H / Disember 2015M**

بسم الله الرحمن الرحيم

# PENGESAHAN

## HUKUM BERKAITAN RAMBUT MANUSIA DI DALAM FIQH ISLAM

Tesis Siti Faridatulmjidah binti Haji Moksin telah diluluskan oleh:

…………………………………………………………

Ustazah Datin Dr Hajah Mariah binti PDPD DP Haji Abdul Rahim
Penyelia

…………………………………………………………

Dr Hajah Mas Noraini binti Haji Mohiddin
Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

# PENGAKUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan ini saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil daripada kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Saya juga mengaku bahawa tajuk ini tidak pernah diserahkan atau serentak diserahkan secara keseluruhnya kepada mana-mana ijazah lain di Universiti Islam Sultan Sharif Ali atau institusi lain.

Tandatangan :

Nama : Siti Faridatulmjidah binti Haji Moksin.

No. Pendaftaran : 12MR112

Tarikh Menghantar : 7 Rabiulawal 1437H / 19 Disember 2015M

# PENGAKUAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN SAKSAMA PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Hakcipta © 2015 Siti Faridatulmjidah binti Haji Moksin. Semua hakcipta terpelihara.

## HUKUM BERKAITAN RAMBUT MANUSIA DI DALAM FIQH ISLAM

Mana-mana bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini tidak boleh diterbitkan semula, tidak boleh disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara, elektronik,mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta kecuali seperti yang disediakan dibawah:

1. Apa-apa bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan memberikan penghargaan yang sepatutnya.

2. UNISSA atau perpustakaannya mempunyai hak untuk melakukan dan memindah salinan (cetak atau elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.

3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan semula dan membekalkan salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti-universiti dan perpustakaan-perpustakaan penyelidikan lain.

Disahkan oleh Siti Faridatulmjidah binti Haji Moksin.

Tandatangan: ……………………    Tarikh: 7 Rabiulawal 1437H / 19 Disember 2015M

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *Subḥānahu Wa Ta'āla*, Tuhan seru sekalian Allah, tesis ini dapat disiapkan dengan baik dan lancar. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wassalam*, kaum keluarga, sahabat-sahabat dan pemgikut-pengikut baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Ustazah Datin Dr Hajah Mariah binti PDPD DP Haji Abdul Rahim, kerana memberi tunjuk ajar serta nasihat yang berguna dari awal pembuatan hingga lengkapnya tesis ini. Semoga Ustazah akan mendapat ganjaran yang baik dan kesihatan tubuh badan yang baik daripada Allah *Subḥānahu Wa Ta'āla*, Āmīn.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberikan saya biasiswa untuk melanjutkan pengajian saya di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibubapa saya, Haji Moksin bin Awg Md. Tahir dan Hajah Hasnah binti Haji Ahmad, adik-beradik saya dan rakan-rakan kerana banyak memberikan saya semangat dan dorongan dalam menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan yang mereka berikan selama ini.

# ABSTRAK


### HUKUM BERKAITAN RAMBUT MANUSIA DI DALAM FIQH ISLAM

Rambut adalah sejenis bulu yang menyerupai benang yang tumbuh pada kulit manusia terutamanya di kepala atau apa sahaja yang panjang dan halus yang menyerupai rambut. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kawasan kepala, wajah dan tubuh badan manusia. Ketiga-tiga bahagian ini mempunyai hukum mereka yang tersendiri. Tajuk ini dipilih adalah untuk mengetahui hukum-hukum yang berkaitan dengan rambut dan cara yang betul dalam memperlakukan rambut atau bulu seperti dalam memperagakan fesyen terbaru. Perkara ini adalah disebabkan kemajuan dan kepesatan sains dan teknologi yang mencetuskan idea-idea bagi penggemar-penggemar fesyen rambut dalam menggayakannya dengan bantuan produk-produk kecantikan dan perhiasan yang telah diciptakan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti hukum mengenai rambut dan bulu mengikut syarak dan cara penggunaanya. Di samping itu kajian juga melihat tahap kefahaman masyarakat mengenainya. Untuk mendapatkan maklumat, kajian ini dijalankan dengan pengumpulan data melalui metod kualitatif yang dirujuk dari kitab-kitab turath dan pengumpulan data melalui metod kuantitatif iaitu dengan pengedaran soalselidik kepada masyarakat Islam di Brunei. Kajian mendapati beberapa perkara antaranya: Pertama; hukum yang khusus mengenai dengan *'ibādah* seperti *wuḍū'*, solat, haji dan umrah dan dalam mengerjakan *'ibādah* korban. Kedua; kajian juga mendapati beberapa perkara yang kontemporari seperti dalam perhiasan dan penjagaan rambut. Ketiga; daripada analisa soalselidik, kajian mendapati kefahaman masyarakat mengenai hukum rambut adalah pada tahap 'tahu' dan hanya sebahagian kecil sahaja yang 'kurang tahu' iaitu dalam perkara yang kurang dilakukan seperti memakai rambut palsu dan menyambung rambut.

# ABSTRACT


## HUKM OF HUMAN'S HAIR IN ISLAMIC JURISPRUDENCE

Hair in general resembles a thread-like structure which grows on a human skin especially on the head. In addition, anything that is long and fine can also be considered as hair. With relation to human specifically, hair can be categorized into three main parts; hairs which covers around the area of the head, hairs which covers around the area of face, and hairs which covers other parts of the human body. Each category mentioned their own religious rulings respectively. This topic has chosen to explain the religious ruling relating to the hair and explain the correct manners in treating the hair (in styling perspective). The rapid development of science and technology with the help of beauty products developments and available accessories has boosted great ideas among fashion enthusiast in styling the hair. The objectives of the study are to identify the religious rulings on hair in Islamic Jurisprudence. In addition, the study also looks at the level of public understanding on it. This study is conducted by collecting data through qualitative methods referred from the traditional books or literature and collecting data through quantitative methods by of questionnaires distribution to the Muslim community in Brunei. The study found a few findings; firstly; there are special religious rulings on each of the ritual acts of worship like ablution, prayer, hajj and 'umrah and in sacrifice (*qurbān*). Secondly, the study also found some contemporary issues in fashions, style and hair care. Thirdly, based on analysis of the questionnaires, the study found that the understanding of the religious rulings in hair is at the level of 'know' and only a small portion of the questionnaire population are at the' less know' of the some latest issues in hair care or fashions and styles due to the less wearing such as wigs and doing hair-extension.

# ملخّص البحث

## أحكام شعر البشر في الفقه الإسلامي

الشعر هو نوع من الخيط تشبه الريش التي تنمو على جلد الإنسان، وخاصة على الرأس أو أي شيء يشبه الشعر الطويل والغرامة. وتنقسم الشعر إلى ثلاثة أقسام وهي في مساحة الرأس والوجه والجسم البشري. كل الأقسام الثلاثة لديها الأحكام الخاصة. واختار هذا العنوان لشرح الأحكام المتعلقة بالشعر، ركيفية الصحيحة لتصميم تسريحات الشعر. ويرجع ذلك إلى التقدم السريع للعلوم والتكنولوجيا التى قد أثارت عشاق الموضة الشعر أفكار في تصميم شعرها بمساعدة منتجات التجميل والمجوهرات الموجودة. يسير هذا البحث على المنهج النوعي حيث تُجمع المعلومات من خلال الاطّلاع على كتب التراث، والمنهج الكمّي إذ تُحصل على المعلومات كذلك بتوزيع الاستبيان على المجتمع الإسلامي في بروني دار السلام. وقد توصّلت نتائج البحث إلى عدّة أشياء؛ منها أوّلًا الأحكام الخاصّة بالعبادات مثل الوضوء، والصلاة، وأداء الحج والعمرة، والأضحية. وثانيًا، عن الأشياء المعاصرة مثل تزيين ومحافظة الأشعار. وثالثًا، يتوصّل البحث من خلال تحليل الاستبيان إلى أنّ تفهّم المجتمع عن أحكام الأشعار في مستوى "أدرك"، وقليلًا فقط منهم على مستوى "أقل إدراك" في تلك الأحكام خاصّة في القضايا البسيطة كارتداء الباروكة، وشعر الامتدادية.

# ISI KANDUNGAN


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| Pengesahan | iii |
| Pengakuan | iv |
| Pengakuan Hakcipta dan Pengesahan Penggunaan Saksama Penyelidikan Yang Tidak Diterbitkan | v |
| Penghargaan | vi |
| Abstrak | vii |
| Abstract | viii |
| ملخص البحث | ix |
| Isi Kandungan | x |
| Senarai Ayat-Ayat Al-Qur'ān | xvi |
| Senarai Jadual | xx |
| Senarai Carta | xxi |
| Singkatan | xxii |
| **BAB I – Pendahuluan** | **1-24** |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah Kajian | 4 |
| 1.4 Rasional Kajian | 4 |
| 1.5 Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.7 Matlamat Kajian | 6 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.9 Skop Kajian | 8 |
| 1.10 Definisi Kajian | 8 |
| 1.10.1 Definisi Hukum | 8 |
| 1.10.1.1 Sumber-Sumber Hukum | 9 |
| 1.10.2 Definisi Rambut | 12 |
| 1.10.2.1 Definisi Bulu | 13 |
| 1.10.3 Definisi Fiqh Islam | 13 |
| 1.11 Sorotan Literatur | 14 |
| 1.12 Metodologi Kajian | 17 |
| 1.12.1 Metod Pengumpulan Data | 17 |
| 1.12.1.1 Metod Perpustakaan | 18 |
| 1.12.1.2 Metod Lapangan | 19 |

1.12.1.2.1 Rekabentuk Kajian 19
1.12.1.2.2 Responden 20
1.12.1.2.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kaji Selidik 21
1.12.2 Metod Penganalisaan Data 21
1.13 Hipotesis 22
1.14 Rangka Penulisan 23

**BAB II – Hukum Berkaitan Rambut Manusia Di Dalam Bab *'Ibādah*** **25-69**

2.0 Pendahuluan 25
2.1 Pengertian Rambut 26
2.2 Hukum-Hukum Bagi Rambut Manusia 27
2.2.1 *Ṭahārah* 29
2.2.1.1 Hikmah Disyari'atkan Bersuci 30
2.1.2.2 Sucinya Rambut Seorang Manusia 30
2.2.2 *wuḍū'* 32
2.2.2.1 Menyentuh Rambut Yang Bukan Mahram Ketika Dalam Keadaan Ber*wuḍū'* 33
2.2.3 Solat 36
2.2.3.1 Pengertian Solat 36
2.2.3.2 Perintah Solat 36
2.2.3.3 Hukum Solat 38
2.2.3.4 Batas 'Aurat Dalam Solat 38
2.2.3.5 Kesalahan Dalam Solat Yang Berkaitan Dengan Rambut 40
2.2.4 Mandi 42
2.2.4.1 Tatacara Mandi 43
2.2.4.2 Keadaan Rambut Ketika Mandi Haid, Nifas dan Junub 45
2.2.4.2.1 Rambut Gugur Dalam Keadaan Berhadas Besar 46
2.2.4.3 Keadaan Rambut Ketika Memandikan Mayat 48
2.2.5 Haji dan 'Umrah 50
2.2.5.1 *Taḥallul* Di Dalam *'Ibādah* Haji dan 'Umrah 51
2.2.5.1.1 Kesalahan-Kesalahan Dalam *Taḥallul* 55
2.2.5.2 Menyisir Rambut atau Mencukur Rambut Dalam Keadaan Berihram 55
2.2.5.3 Mandi dan Membasuh Kepala 57
2.2.5.4 Menggunakan Minyak Rambut Dalam Keadaan Berihram 58
2.2.5.5 *Dam* Ketika Haji 60
2.2.6 Korban 62
2.2.6.1 Sejarah *'Ibādah* Korban 63
2.2.6.2 Hukum Memotong Rambut dan Kuku Bagi Yang Hendak Melakukan Korban 65

2.3 Kesimpulan 67

**BAB III – Penjagaan atau Pemeliharaan Rambut Manusia dan Hukumnya Di Dalam Fiqh Islam** **70-129**

3.0 Pendahuluan 70
3.1 Cara-Cara Penjagaan atau Pemeliharaan Rambut dan Bulu-Bulu 70
3.1.1 Penjagaan atau Pemeliharaan dan Hukum Rambut yang Tumbuh Di Badan Manusia 71
3.1.1.1 Bulu Dada, Bulu Tangan dan Bulu Kaki 71
3.1.1.2 Bulu Kemaluan 72
3.1.1.2.1 Takrif Bulu Kemaluan 72
3.1.1.2.2 Kawasan Pertumbuhan 72
3.1.1.2.3 Cara Menghilangkan Bulu Kemaluan 73
3.1.1.2.4 Tempoh Menghilangkan 73
3.1.1.3 Bulu Ketiak 74
3.1.2 Penjagaan atau Pemeliharaan dan Hukum Rambut yang Tumbuh Di Wajah 76
3.1.2.1 Janggut 77
3.1.2.1.1 Pengertian Janggut 78
3.1.2.1.2 Beberapa Hadith Mengenai Janggut 79
3.1.2.1.3 Hukum Memelihara Janggut atau Mencukurnya 81
3.1.2.1.4 Janggut Dari Segi Kesihatan 82
3.1.2.2 Kumis/Misai 83
3.1.2.2.1 Hukum Kumis/Misai 83
3.1.2.2.2 Pendapat Empat Mazhab 84
3.1.2.2.3 Larangan Menyerupai Orang Kafir 85
3.1.2.3 Kening atau Alis 86
3.1.2.4 Bulu Mata 87
3.1.2.5 Bulu Hidung 88
3.1.2.5.1 Cara Menghilangkan Bulu Hidung 89
3.1.2.5.2 Hukum Mencabut Bulu Hidung 89
3.1.3 Penjagaan atau Pemeliharaan dan Hukum Rambut yang Tumbuh Di Kepala Bagi Lelaki dan Wanita 89
3.1.3.1 Ciri-Ciri Rambut Rasullullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wassalam* 90
3.1.3.2 Kerapian Rambut Rasullullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wassalam* 91
3.1.3.2.1 Menyikat Rambut dan Meminyakinya 92
3.1.3.2.1.1 Beberapa Hadith Mengenai Menyikat Rambut dan Meminyakinya 92
3.1.3.2.1.2 Larangan Berlebih-lebihan 93
3.1.3.2.1.3 Perbuatan Yang Dihindar Ketika Menyisir Rambut 94
3.1.3.2.2 Mengurai atau Membelah Rambut 94

3.2.3.2.2.1 Hukum Mengurai dan Membelah Rambut 95
3.1.3.2.3 Rambut Gugur 95
3.1.3.2.3.1 Merawat Rambut Gugur Secara Alami 96
3.1.3.3 Mencukur Rambut 96
3.1.3.3.1 Hukum Mencukur Rambut Anak Yang Baru Lahir 99
3.1.3.3.2 *Qaza'* 100
3.1.3.3.2.1 Pengertian *Qaza'* 100
3.1.3.3.2.2 Hukum *Qaza'* 100
3.1.3.3.3 Hukum Mencukur Rambut Bagi Wanita 102
3.1.3.3.4 Hukum Mencukur Rambut Bagi Lelaki 104
3.1.3.4 Menyambung Rambut 104
3.1.3.4.1 Hukum Menyambung Rambut dan Dalil-Dalilnya Yang Berkaitan Dengannya 105
3.1.3.4.2 Hukum Menyambung Dengan Rambut Manusia 105
3.1.3.4.3 Hukum Menyambung Bukan Dengan Rambut Manusia 106
3.1.3.4.4 Hikmah Pengharaman Menyambung Rambut 107
3.1.3.5 Rambut Palsu 108
3.1.3.5.1 Hukum Menggunakan Rambut Palsu 108
3.1.3.6 Mencabut Uban 109
3.1.3.6.1 Pengertian Uban 109
3.1.3.6.2 Uban Rasullullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wassalam* 110
3.1.3.6.3 Hukum Mencabut Uban 111
3.1.3.7 Menggunting Rambut 112
3.1.3.8 Memelihara Rambut Panjang 114
3.1.3.9 Mewarnakan Rambut 116
3.1.3.9.1 Definisi Mewarna 116
3.1.3.9.2 Sejarah Mewarnakan Rambut 117
3.1.3.9.3 Hukum Mewarna Rambut Di Dalam Fiqh Islam 118
3.1.3.9.3.1 Larangan Mewarnakan Rambut Dengan Warna Hitam 119
3.1.3.9.3.1.1 Hikmah Pengharaman Pewarna Dengan Warna Hitam 121
3.1.3.9.3.2 Hukum Mewarnakan Rambut Bagi Perempuan 121
3.1.3.9.3.2.1 Perempuan Yang Sudah Berkahwin 121
3.1.3.9.3.2.2 Perempuan Yang Kematian Suami 122
3.1.3.9.3.2.3 Perempuan Yang Sudah Bercerai 122
3.1.3.9.3.2.4 Perempuan Yang Belum Berkahwin 123
3.1.3.9.3.3 Hukum Mewarnakan Rambut Bagi Lelaki 124
3.1.3.9.3.4 Hukum Mengikut Gaya Orang Kafir 125

3.1.3.9.4 Hukum Menggunakan Bahan Asli 125
3.1.3.9.4.1 Hukum Menggunakan Bahan Pewarna Yang Boleh Mengubah Kejadian dan Kekal 126
3.2 Kesimpulan 126

**BAB IV – Hukum Menggayakan Rambut Mengikut *'Trend'* Masa Kini** **130-157**
4.0 Pendahuluan 130
4.1 *'Trend'* Rambut Masa Kini 131
4.1.1 Mewarna Rambut Menggunakan Produk-Produk Di Pasaran 131
4.1.1.1 Jenis-Jenis dan Proses Mewarnakan Rambut 132
4.1.2 '*Rebonding*' Rambut 135
4.1.2.1 Pengertian '*Rebonding*' 135
4.1.2.2 Proses '*Rebonding*' 135
4.1.2.3 Hukum '*Rebonding*' Di Dalam Syarak 136
4.1.3 *'Perming'* Rambut atau Keriting 139
4.1.3.1 Cara Proses *'Perming'* Rambut atau Keriting 139
4.1.3.2 Hukum *'Perming'* Rambut atau Keriting 140
4.1.4 Rambut Pacak 141
4.1.4.1 Hukum Buat Rambut Pacak 143
4.1.4.2 Hukum Di Dalam Mengambil Air *Wuḍū'* 143
4.1.5 *'K-Pop Style'* atau Gaya K-pop 144
4.1.6 *'Dreadlock'* 145
4.1.6.1 Hukum Membuat Rambut *'Dreadlock'* 146
4.1.7 Trojan 146
4.2 Menanam Rambut 148
4.2.1 Proses Menanam Rambut 149
4.2.2 Hukum Menanam Rambut 149
4.3 Penggunaan Minyak Rambut Yang Mengandungi Alkohol 151
4.3.1 Pengertian Alkohol 151
4.3.2 Hukum Alkohol Pada Minyak Rambut 153
4.4 Kesimpulan 154

**BAB V – Kefahaman Masyarakat Tentang Hukum Yang Berkaitan Dengan Rambut** **158-181**
5.0 Pendahuluan 158
5.1 Analisa Demografi Profil Responden 159
5.2 Analisis Pengetahuan Responden Mengenai Hukum Rambut 164
5.3 Analisis Penilaian Kepada Pengetahuan Secara Skala 175
5.4 Analisis Pandangan Masyarakat Tentang Hukum Yang Berkaitan Dengan Rambut atau Bulu-Bulu Di tubuh Manusia 178

| | |
|---|---|
| 5.5 Kesimpulan | 181 |
| **Penutup** | **182-197** |
| Pendahuluan | 182 |
| Dapatan Kajian dan Cadangan | 182 |
| Cadangan Untuk Kajian Lanjutan | 196 |
| Penutup | 197 |
| Bibliografi | 198 |
| Lampiran A | 206 |
| Lampiran B | 208 |
| Lampiran C | 212 |
| Lampiran D (Borang Soalselidik) | 214 |

# SENARAI AYAT-AYAT AL-QUR'ĀN

| No. Ayat | Surah & Ayat Al-Qu'ān | Halaman |
|---|---|---|
| | **Al-Baqarah** | |
| 222 | ﴿إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلۡمُتَطَهِّرِينَ ﴾ | 29,42 |
| 196 | ﴿وَأَتِمُّواْ ٱلۡحَجَّ وَٱلۡعُمۡرَةَ لِلَّهِۚ ﴾ | 50 |
| 196 | ﴿وَأَتِمُّواْ ٱلۡحَجَّ وَٱلۡعُمۡرَةَ لِلَّهِۚ فَإِنۡ أُحۡصِرۡتُمۡ فَمَا ٱسۡتَيۡسَرَ مِنَ ٱلۡهَدۡيِۖ وَلَا تَحۡلِقُواْ رُءُوسَكُمۡ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ ٱلۡهَدۡيُ مَحِلَّهُۥۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوۡ بِهِۦٓ أَذٗى مِّن رَّأۡسِهِۦ فَفِدۡيَةٞ مِّن صِيَامٍ أَوۡ صَدَقَةٍ أَوۡ نُسُكٖۚ فَإِذَآ أَمِنتُمۡ فَمَن تَمَتَّعَ بِٱلۡعُمۡرَةِ إِلَى ٱلۡحَجِّ فَمَا ٱسۡتَيۡسَرَ مِنَ ٱلۡهَدۡيِۚ فَمَن لَّمۡ يَجِدۡ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٖ فِي ٱلۡحَجِّ وَسَبۡعَةٍ إِذَا رَجَعۡتُمۡۗ تِلۡكَ عَشَرَةٞ كَامِلَةٞۗ ذَٰلِكَ لِمَن لَّمۡ يَكُنۡ أَهۡلُهُۥ حَاضِرِي ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ١٩٦﴾ | 60 |
| 196 | ﴿وَلَا تَحۡلِقُواْ رُءُوسَكُمۡ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ ٱلۡهَدۡيُ مَحِلَّهُۥ ...﴾ | 61 |
| 196 | ﴿فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوۡ بِهِۦٓ أَذٗى مِّن رَّأۡسِهِۦ فَفِدۡيَةٞ مِّن صِيَامٍ أَوۡ صَدَقَةٍ أَوۡ نُسُكٖۚ ﴾ | 61 |
| 286 | ﴿لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَا ﴾ | 77 |
| 29 | ﴿هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ﴾ | 137 |
| 196 | ﴿وَلَا تَحۡلِقُواْ رُءُوسَكُمۡ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ ٱلۡهَدۡيُ مَحِلَّهُۥۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوۡ بِهِۦٓ أَذٗى مِّن رَّأۡسِهِۦ فَفِدۡيَةٞ مِّن صِيَامٍ أَوۡ صَدَقَةٍ أَوۡ نُسُكٖۚ ١٩٦﴾ | 97 |
| | **Āl-'Imrān** | |
| 191 | ﴿رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا ﴾ | 1, 76 |
| 97 | ﴿وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلۡبَيۡتِ مَنِ ٱسۡتَطَاعَ إِلَيۡهِ سَبِيلٗاۚ ﴾ | 50 |

| | | |
|---|---|---|
| | **Al-Nisā** | |
| 59 | ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡ﴾ | 11 |
| 103 | ﴿فَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَۚ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا مَّوۡقُوتٗا﴾ | 38 |
| | **Al-Mā’idah** | |
| 6 | ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ .... ﴿٦﴾﴾ | 32 |
| 6 | ﴿أَوۡ لَٰمَسۡتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمۡ تَجِدُواْ مَآءٗ فَتَيَمَّمُواْ صَعِيدٗا طَيِّبٗا﴾ | 34 |
| 6 | ﴿وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ﴾ | 144 |
| 51 | ﴿وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ﴾ | 85 |
| 51 | ﴿وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَإِنَّهُۥ مِنۡهُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ﴾ | 114, 116 |
| 90 | ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ﴿٩٠﴾﴾ | 152 |
| | **Al-‘Arāf** | |
| 26 | ﴿يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗا﴾ | 28 |
| | **Al-Taubah** | |
| 103 | ﴿وَصَلِّ عَلَيۡهِمۡۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٞ لَّهُمۡۗ﴾ | 36 |
| | **Ibrāhīm** | |
| 40 | ﴿رَبِّ ٱجۡعَلۡنِي مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِيۚ رَبَّنَا وَتَقَبَّلۡ دُعَآءِ ﴿٤٠﴾﴾ | 37 |
| | **Al-Isrā** | |
| 70 | ﴿۞وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ﴾ | 31, 47 |
| | **Maryam** | |
| 31 | ﴿وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيۡنَ مَا كُنتُ وَأَوۡصَٰنِي بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمۡتُ حَيّٗا ﴿٣١﴾﴾ | 37 |
| 54-55 | ﴿وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِسۡمَٰعِيلَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلۡوَعۡدِ وَكَانَ رَسُولٗا نَّبِيّٗا ﴿٥٤﴾ | 37, 64 |

| | | |
|---|---|---|
| | وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾ ﴾ | |
| | **Ṭāhā** | |
| 13-14 | ﴿وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾ إِنَّنِىٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدْنِى وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكْرِىٓ ﴿١٤﴾ ﴾ | 37 |
| | **Nūr** | |
| 31 | ﴿وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ ﴾ | 27 |
| 31 | ﴿..وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ﴾ | 38 |
| 31 | ﴿وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ ﴾ | 39 |
| 31 | ﴿وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ ...... ﴿٣١﴾ ﴾ | 123 |
| | **Al-Rūm** | |
| 54 | ﴿۞ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾ | 110 |
| | **Luqmān** | |
| 20 | ﴿أَلَمْ تَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُۥ ظَٰهِرَةً وَبَاطِنَةً ۗ ﴾ | 137 |
| | **Al-Aḥzāb** | |
| 59 | ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّ ۚ ﴾ | 28 |

| | | |
|---|---|---|
| 21 | ﴿لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ﴾ | 78 |
| **Al-Ṣaffāt** | | |
| 102 | ﴿..قَالَ يَٰبُنَيَّ إِنِّيٓ أَرَىٰ فِي ٱلْمَنَامِ أَنِّيٓ أَذْبَحُكَ فَٱنظُرْ مَاذَا تَرَىٰۚ قَالَ يَٰٓأَبَتِ ٱفْعَلْ مَا تُؤْمَرُۖ سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٠٢﴾﴾ | 63 |
| 100 | ﴿رَبِّ هَبْ لِي مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ﴾ | 64 |
| **Al-Fatḥ** | | |
| 27 | ﴿لَّقَدْ صَدَقَ ٱللَّهُ رَسُولَهُ ٱلرُّءْيَا بِٱلْحَقِّۖ لَتَدْخُلُنَّ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَۖ﴾ | 51 |
| 27 | ﴿...مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ﴾ | 52 |
| 27 | ﴿لَتَدْخُلُنَّ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَۖ ﴿٢٧﴾﴾ | 97 |
| **Al-Ḍariyāt** | | |
| 56-58 | ﴿وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَآ أُرِيدُ مِنْهُم مِّن رِّزْقٍ وَمَآ أُرِيدُ أَن يُطْعِمُونِ ﴿٥٧﴾ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلرَّزَّاقُ ذُو ٱلْقُوَّةِ ٱلْمَتِينُ ﴿٥٨﴾﴾ | 25 |
| **Al-Kawthar** | | |
| 2 | ﴿فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾﴾ | 62 |

# SENARAI JADUAL


| NOMBOR | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Jadual 5.1.1 | Jantina | 159 |
| Jadual 5.1.2 | Kategori Umur | 160 |
| Jadual 5.1.3 | Status | 161 |
| Jadual 5.1.4 | Status Pekerjaan | 161 |
| Jadual 5.1.5 | Pembelajaran Secara Formal | 162 |
| Jadual 5.2.1 | Aurat | 165 |
| Jadual 5.2.2 | Perhiasan Bagi Lelaki dan Wanita | 165 |
| Jadual 5.2.3 | Anugerah Daripada Allah *Subḥānahu Wa Ta‘āla* | 165 |
| Jadual 5.2.4 | Sebagai Pelindung Daripada Panas dan Sejuk | 167 |
| Jadual 5.2.5 | Pengetahuan Hukum Di Dalam Bab *Ṭahārah* | 168 |
| Jadual 5.2.6 | Pengetahuan Hukum Di Dalam Bab *wuḍū’* | 169 |
| Jadual 5.2.7 | Pengetahuan Hukum Di Dalam Bab Solat | 170 |
| Jadual 5.2.8 | Pengetahuan Hukum Di Dalam Bab Haji | 171 |
| Jadual 5.2.9 | Dandanan Rambut | 173 |
| Jadual 5.2.10 | Mewarnakan Rambut | 174 |
| Jadual 5.2.11 | Menyambung Rambut | 174 |
| Jadual 5.2.12 | Penggunaan Rambut Palsu | 174 |
| Jadual 5.3.1 | Skala Penegtahuan Mengenai Rambut atau Bulu Di Tubuh Badan | 176 |
| Jadual 5.3.2 | Skala Penegtahuan Mengenai Rambut atau Bulu Di Wajah | 177 |
| Jadual 5.3.3 | Skala Penegtahuan Mengenai Rambut atau Bulu Di Kepala Lelaki dan Wanita | 178 |

# SENARAI CARTA


| NOMBOR | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Carta 5.1.1 | Maklumat Tambahan | 164 |
| Carta 5.2.1 | Pengetahuan Hukum Rambut dan Bulu-Bulu Secara Umum | 172 |

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| hlm | Halaman |
| c | Cetakan |
| T.T | Tiada Tarikh |
| T.Tpt | Tiada Tempat |
| T.P | Tiada Penerbit |
| J | Juz |
| Jld | Jilid |
| No. | Nombor |
| H | Hijrah |
| M | Masiḥi |
| *Ibid* | *ion beam induced deposition* |
| *Op. cit* | *Opus citatum est* |
| Mm | Milimeter |
| Cm | Centimeter |
| Dr. | Doktor |
| Ust | Ustaz |
| Nov | November |
| hb | Hari bulan |

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.0 Pengenalan

Rambut adalah helaian seperti benang yang berada di kulit manusia dan haiwan mamalia. Apa-apa yang tumbuh di tubuh kita sebenarnya rambut, cuma ada sebahagian daripadanya, kita menyebutnya dengan perkataan bulu seperti bulu mata, bulu dada, bulu ketiak dan sebagainya. Bulu merupakan struktur seakan rambut yang tumbuh pada kulit badan. Allah telah menciptakan rambut di tubuh kita dengan pelbagai ukuran dan meletakkannya di tempat-tempat yang tertentu dengan fungsinya masing-masing. Setiap yang diciptakan pasti mempunyai kelebihannya dan ia tidak dijadikan dengan sia-sia. Seperti di dalam firman Allah *Subhānahu Wa Ta'*āla:

﴿رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا﴾ [1]

Tafsirnya: "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia".

Tafsir daripada ayat ini menerangkan bahawa Allah tidak menciptakan semua ciptaannya ataupun semua perkara ini dengan sia-sia, tetapi penuh dengan kebenaran. Allah *Subhānahu Wa Ta'*āla akan memberikan balasan kepada orang-orang yang beramal buruk terhadap apa-apa yang telah mereka kerjakan dan juga memberikan balasan kepada orang-orang yang beramal baik dengan balasan yang lebih baik (syurga).[2]

Oleh yang demikian, setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan mendapat balasan sama ada yang baik atau yang buruk. Ini kerana kehidupan manusia sering mengalami permasalahan yang baru dan perubahan dengan perkembangan yang baru dari masa ke semasa. Sesuai dengan kemajuan ilmu serta ketemadunan manusia yang hidup secara global.

---

[1] Surah Āl-'Imrān. 3:191.

[2] Dr. 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdul Rahman bin ishaq. (2003M). *Tafsir Ibnu Katsir.* J 2. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i. H 213.

Dengan peredaran masa, banyak perkara baru yang timbul dan tidak pernah diketahui sebelumnya. Kemajuan sains dan teknologi yang menghasilkan bermacam-macam produk dan alat kecantikan misalnya dapat menyaksikan perubahan. Impak daripadanya, berlakulah permasalahan baru yang rumit dan sukar, kerana sebelumnya tidak tertulis di dalam hukum.

Berdasarkan daripada kajian yang akan dibuat, lazimnya rambut manusia mempunyai warna yang berbeza, ada yang berwarna hitam dan ada yang berwarna perang terutama pada mereka yang tinggal di Barat. Oleh itu kajian ini akan mengkaji hukum yang berkaitan dengan rambut dan bulu dan akan meninjau sejauhmana pengetahuan manusia mengenai hukum yang berkaitan dengannya.

Sehubungan dengan itu, jawapan untuk sesuatu perkara baru dinantikan oleh umat Islam sebagai panduan demi meneruskan kehidupan yang serba moden. Oleh itu kajian ini akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, latar belakang masalah kajian, penyataan masalah kajian, objektif kajian, matlamat kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan literatur, metodologi kajian, dan hipotesis.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Kewujudan rambut sudah lama sejak dari keluar dari rahim ibu. Rambut menjadi satu perhiasan yang ketara kepada lelaki dan perempuan. Rambut atau bulu adalah pemberian Allah Ta'āla untuk manusia dan membezakan dengan haiwan. Rambut juga adalah sebagai salah satu pelindung untuk kepala dan tubuh manusia dari kesejukan dan kepanasan. Berbagai jenis rambut atau bulu yang terdapat ditubuh manusia. Antaranya rambut di bahagian kepala, rambut-rambut atau bulu yang tesembunyi di celah-celah lengan atau lebih dikenali dengan bulu ketiak, bulu sekitar kemaluan, bulu kening, misai, janggut dan banyak lagi. Semua ini mengandungi hukum yang tersendiri tertakluk dengan apa yang kita perlakukan ke atasnya.

Sebagai Muslim, kita perlu melakukan sesuatu perbuatan atau pekerjaan mengikut landasan Islam seperti yang diperintahkan. Seperti yang diketahui, perjalanan hidup kita menpunyai hukum-hukum yang tersendiri mengikut apa yang kita buat dan laksanakan

seperti rukun Islam adalah wajib untuk umat Islam laksanakan. Dalam menetapkan hukum ke atas manusia, Islam mengambil hukum tersebut daripada yang mencipta manusia dan bukan manusia itu sendiri. Hukum yang kecil jika dibiarkan boleh menjadikan seseorang Muslim lalai dan lupa untuk mengerjakannya atu mengelak daripada melakukannya. Hukum Islam sangat berbeza dengan hukum yang manusia sendiri ciptakan, kerana penetapan hukum Islam banyak terdapat di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah.

Secara umumnya, kefahaman terhadap hukum islam mengenai rambut dan bulu dapat dihuraikan satu persatu dengan lebih jelas lagi tanpa menimbulkan kekeliruan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah perlu untuk pengetahuan semua lapisan masyarakat pada amnya dan khusus untuk para pembaca.

## 1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian

Di dalam era globalisasi ini, pelbagai gaya dan fesyen yang dibuat oleh manusia terhadap rambut atau bulu. Gaya dan fesyen rambut ini kadang-kadang ada yang bersesuaian dengan imej Islam dan ada juga yang tidak melambangkan imej Islam itu sendiri. Kebanyakkan orang ramai lebih cenderung memilih untuk mengikut gaya dan fesyen yang bukan Islam.

Ini kerana pengaruh budaya yang bukan Islam lebih kuat menarik perhatian berbanding budaya Islam itu sendiri dan yang mudah terpengaruh itu adalah anak muda zaman sekarang. Begitu juga dengan pasaran perniagaan, yang mana para peniaga banyak yang telah menjual produk-produk yang mengkhususkan kepada kecantikan dalam memperhiaskan penampilan diri seperti perwarna rambut (*dye*) yang mempunyai berbagai-bagai jenis warna, rambut palsu, bulu mata palsu, sambungan rambut (*hair extension*) dan banyak lagi.

Oleh yang demikian, memandangkan *trend* masa kini menjadi pilihan orang ramai, maka kajian ini akan melihat hukum-hukumnya sama ada berlandaskan syarak ataupun tidak. Kajian ini juga tidak lain hanyalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam memulihkan semula kefahaman dan sikap masyarakat Islam terhadap

rambut yang selalu diperlakukan dengan pelbagai gaya terkini. Maka kajian ini bukanlah mencari kesalahan tetapi memperbetulkan kesilapan individu yang terlibat.

## 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Semakin dunia bertambah maju, semakin banyak permasalahan yang timbul mengikut perkembangan dan peredaran zaman. Oleh kerana permasalahan yang baru ditimbulkan, maka para mujtahid berkerja keras di dalam menentukan hukum berdasarkan hukum-hukum yang sedia ada dan jika tidak terdapat di dalamnya akan diqiyaskan kepada apa yang pernah berlaku sebelumnya seperti hukum berkaitan rambut. Hukum berkaitan rambut ini banyak disebutkan di dalam hadith-hadith dan kitab turath seperti hukum menyambung rambut, menggunakan rambut palsu, mencukur dan sebagainya.

Jika dilihat di laman-laman web, blog, '*facebook*' dan sebagainya, banyak yang mengemukakan pertanyaan mengenai dengan hukum-hukum yang berkaitan dengan rambut yang menjadi kekeliruan masyarakat umumnya kerana kurangnya mendapat informasi mengenainya dan jarang sekali untuk dibahaskan. Dalam mencari jawapan bagi kekeliruan tersebut, kebiasaannya masyarakat akan mencari jawapan melalui laman sesawang atau '*google*'. Oleh disebabkan ini, sumber melalui '*google*' ini kurang menyakinkan kerana hukum-hukum tersebut memerlukan hujah-hujah yang boleh diterima pakai dan dari sumber yang *ṣaḥīḥ*.

Oleh itu, kajian ini akan menjadi pendekatan kepada masyarakat dalam memudahkan bagi mereka utuk merujuk hukum-hukum berkaitan dengan rambut tanpa perlu merujuk kepada banyak kitab dan membuka laman sesawang yang boleh menimbulkan lagi kekeliruan.

## 1.4 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dijalankan kerana timbulnya banyak kekeliruan yang wujud berkaitan dengan hukum Islam. Ini kerana kefahaman manusia tentang hukum rambut dan bulu tidak terlalu mendalam dan ini penyebab timbulnya kekeliruan mengenainya.

Sekiranya kajian ini dilakukan, dengan secara tidak langsung dapat memudahkan masyarakat terutama yang berugama Islam mendalami hukum berkaitan dengan rambut dan ini dapat mengelak daripada melakukan kesilapan yang sama walaupun masyarakat sekarang berada dalam arus kemodenan duniawi dan secara rasionalnya juga dapat membantu masyarakat untuk mengikut sunnah Rasullullah *Ṣallallahu ʻAlaihi Wassalam* demi mendapat keredhaan Allah *Subhanahu Wa Taʻāla*.

## 1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya terdapat beberapa fokus objektif ini seperti;

1. Mengenalpasti apa yang dimaksudkan dengan rambut dan bulu.
2. Mengenalpasti hukum-hukum yang berkaitan dengan rambut atau bulu dan *trend-trend* rambut terkini.
3. Sejauhmana pengetahuan masyarakat Islam di Brunei khususnya tentang hukum yang berkaitan rambut dan bulu yang berada di seluruh tubuh manusia.
4. Mencadangkan beberapa cara untuk masyarakat lebih mengetahui mengenai rambut dan bulu.

## 1.6 Persoalan Kajian

1. Apa yang dimaksudkan dengan rambut dan bulu?
2. Apakah hukum-hukum yang berkaitan dengan rambut dan bulu di dalam bab *ʻibādah*;
    - 2.1 *Wuḍū'*
    - 2.2 Solat
    - 2.3 Mandi
    - 2.4 Haji dan ʻUmrah
    - 2.5 Korban
3. Bagaimana cara penjagaan dan pemeliharaan rambut atau bulu yang tumbuh di seluruh tubuh badan manusia seperti yang disyariʻatkan di dalam Islam?
4. Apakah yang dimaksudkan dengan ʻ*trend*' rambut masa kini dan kaitannya dengan hukum-hukum Islam?

5. Sejauhmanakah pengetahuan masyarakat Islam di Brunei tentang hukum yang berkaitan dengan rambut?
6. Bagaimana cara atau cadangan dan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi menambah pengetahuan masyarakat?

## 1.7 Matlamat Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengembang luaskan pengetahuan masyarakat Islam mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan rambut manusia.

Hasil kajian ini juga akan dapat dijadikan rujukan kepada orang ramai yang mementingkan perlaksanaan hukum Islam ke atas sesuatu perkara khususnya mengenai rambut.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kehidupan masyarakat Melayu Brunei yang berpegang dengan hukum-hukum Allah, penulis akan mengkaji hukum-hukum tersebut melalui kitab-kitab *turath* berlandaskan mazhab Shafi'ī.

Dengan perkembangan dunia hari ini, kebanyakkan masyarakat cenderong kepada '*trend*' masa kini dan mengendahkan apa yang dilarang dan diperintahkan. Namun semua ini dapat dielakkan jika perkara-perkara yang kecil ini diambil perhatian dari mulanya. Sesuai dengan prinsip Negara iaitu 'Negara Zikir' yang mementingkan masyarakat untuk membuat sesuatu yang berlandaskan syariah.

Pengkaji berharap dengan hasil kajian ini dapat memberi rangsangan dan motivasi kepada masyarakat dalam memperbaiki akhlak masyarakat, mengambil manfaat dan dapat menimbulkan rasa untuk memperbaiki diri, lebih baik dari sebelumnya seiringan dengan duniawi dan ukhrawi, di samping itu dapat mencontohi jejak langkah Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wassalam*. Terdapat beberapa kepentingan mengenai hukum-hukum berkaitan rambut ini kepada masyarakat umumnya. Antara kepentingannya ialah;

1. Mengenalpasti apa yang dimaksudkan dengan rambut dan bulu.

2. Mengetahui hukum-hukum mengenai rambut dan bulu yang perlu dibuang dan dibiarkan mengikut fitrah manusia.
3. Dapat melihat sejauhmana pengetahuan masyarakat terhadap hukum rambut dan bulu
4. Memberikan cadangan dan langkah-langkah dalam bagaimana hukum rambut ini diketahui walaupun ia adalah isu yang kecil.

Akhirnya kajian ini dapat memberikan panduan dan permulaan idea bagi penyelidik untuk melahirkan banyak kajian akan datang. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberikan kepentingan kepada;

**1. Individu**

Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran dan membuka minda untuk lebih mementingkan atau menitikberatkan atau mendalami hukum-hukum Islam. Di samping itu, ilmu yang diperolehi dapat dikongsikan bersama orang-orang sekeliling atau teman rapat dan mengambil manfaat daripadanya.

**2. Masyarakat**

Dapatan kajian ini diharap dapat menarik perhatian masyarakat di Negara ini agar sama-sama dapat memperbaiki diri dan mempunyai akhlak yang baik sesuai dengan pengetahuan Islam yang telah diajar sejak dari bangku sekolah lagi. Dengan adanya kajian seperti ini, diharap semua lapisan masyarakat yang berugama Islam lebih peka tentang hukum-hukum Islam walaupun dalam perkara yang dianggap kecil dan tidak penting.

**3. Pihak-Pihak Yang Tertentu**

Selain untuk kepentingan individu dan masyarakat, kajian ini akan dapat memberikan inspirasi, idea dan membantu untuk pihak-pihak yang tertentu dalam menyedarkan orang ramai tentang perkara yang dianggap kecil tetapi tetap mengandungi hukum-hukum yang tertentu dan menjelaskan hukum-hukum tentang perkara yang menjadi kekeliruan dari semasa ke semasa dengan penerangan yang lebih padat dalam melahirkan nilai-nilai murni dalam diri setiap individu.

# BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān al-Karim.

Muṣhaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya.

**Rujukkan Dari Buku-Buku Arab:**


1404H/1983M. *Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. C.2. Al-Kuwayit: Wizārat al-Awqāf Wa al-Shu'wūn al-Islāmiyyah.

(1413H). *Majmu' Fatāwā wa Rasāil*. T.Tpt: Dār al-waṭan-Dār al-thiryā.

'Alā al-Dīn, Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad al-Kasānī.(1406H/1986M). *Badā'i Ṣanā'i fi Tartīb Al-Sharā'ī.* C. 2. T.Tpt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ābādī, Muhammad Ṣyamsul Haq al-'Aẓim. (1415H). *'Awn al-Ma'būd Ṣharh Sunan Abī Dāwud.* C.2. Beirut: Dār al-kutub al-'Ilmiyyah.

Ābādī, al-Fairūz. (1430H/2009M). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ.* Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Abū 'Abdullah Muhammad al-Anṣarī. (1373H/1954M). *Al-Jāmi'al-Ahkām al-Qurān.* C. 2. T.Tpt: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.

Al-'Adwī, Abū al-Ḥasan 'Ali bin Aḥmad bin Makram al-Ṣa'īdī. (1414H/1994M). *Ḥāshiyyah al-'Adwī.* Beirut: Dār al-Fikr.

Abū Hasan Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Ḫabib al-Basti al-Baghdadi, as-Shahir bil-Mawardi. (1419H/1999M). *Al-Hāwī al-Kabir fi Fiqh Madhab al-Imam al-Shafi'ī.* Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar. (1424H/2004M). *Fatḥ al-Barī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, al-Qāherah: Dār al-Hādith.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr. (1424H/2003M). *Al-Sunan Al-Kubrā.* Muhammad 'Abdul Qādir 'Aṭā (Taḥqīq). Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bayhaqī, Abū Bakr. (1423H/2003M). *Shu'ab al- Imān.* T.Tpt: Maktabah al-Rashd Li al-nashr wa al-Tauzīq Bi al-Riyaḍ Bi al-Ta'āwūn ma'a al-Dār al-Salfiyyah bi Bombai bi al-Hind.

Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus. (T.T) *Kashāf al-Qinā'.* T.Tpt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bikrī. Abu Bakr 'Uthman bin Muhammad Shiṭā al-Damyāṭī al-Shāfi'i. (1418H/1997M). *I'ānah Al-Ṭālibīn.* T.Tpt: Dār al-Fikr liṭṭibā'ah Wa al-nashr Wattaurī'.

Al-Bukhārī. Muhammad bin Ismā'īl. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* T.tpt: Dār Ṭauq al-Najāh.

Abū Dāwūd. Sulaymān bin al-Ash'ath. (T.T). *Sunan Abī Dāwūd.* Muhammad Mahy al-Dīn 'Abd al-Hamid (Taḥqiq). Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Dawaish, Ahmad bin Abdul Razāq. (T.T). *Fatāwā al-Lajnah al Dā'imah.* Riyāḍ: Idārah al-'Aāmah.

Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Arfah. (T.T). *Ḥāshiah al-Dusūqī 'ala al-Sharḥ al-Kabīr.* T.Tpt: Dār al-Fikr.

Fakhr al-Razī, Imam Fakhr al-Dīn al-Razī. (1411H/1990M). *Al-Tafsīr al-Kabīr Aw Mafātīḥ al-Ghayb.* C.1. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutubal-'Ilmiyyah.

Ibn 'Ābidīn. Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abdul 'Azīz 'Ābidin. (1412H/1992M). *Radd al-Muḥtār 'ala al-Darr al-Mukhtār.* C. 2. Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Hajr, Aḥmad bin Muhammad bin 'Ali. (1357H/1983M). *Tuḥfah al-Muḥtāj Fī Sharḥ al-minhāj.* T.Tpt: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā bi Meṣr li Ṣāhibihā Muṣṭafā Muhammad.

Ibn Hajr, Aḥmad bin Muhammad bin 'Ali. (T.T). *Fatḥ al-Bārī.* Al-Qāherah: Dār al-Hadith.

Ibn al-Hamām, Kamāluddīn Muḥammad bin 'Abdul al-Wahid. (T.T) *Sharḥ Fatḥ al-Qadīr.* Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Jazī, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin 'Abdullah. (T.T). *Al-Qawānīn al-Fiqhiyyah.* T.Tpt: T.P.

Al-Kharshī, Muhammad bin 'Abdullah. (T.T). *Sharh Mukhtaṣar khlīl lil Kharshī.* Beirut: Dār al-Fikr lil-Ṭibā'ah.

Ibn Manẓūr, Jamaluddin Muhammad bin Mukram. (1426H/2005M). *Lisān al-'Arāb.* C. 1. Beirut-Lubnān; Dār al-Kutub 'Ilmiyyah.

Ibn Mufliḥ, Muhammad. (1424H/2003M). *Kitab al-Furu'.* C. 1. T.Tpt: Muassah al-Risalah.

Ibn Najīm, Zainuddīn bin Ibrāhīm. T.T. *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq Wa Manḥah al-Khaliq Wa Takmiluhu al-Ṭurā.* C. 2. T.Tpt: Dār al-Kitāb al-Islāmī.

Ibn Qudāmah. 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (1388H/1968M). *Al-Mughnī.* T.Tpt: Makabah al-Qāherah.

Ibn Ruṣd, al-Ḥafīẓ, Abu al-Walīd Muhammad bin Aḥmad bin Muhammad bin Aḥmad bin Ruṣd al-Qurṭubī. (1379H/1938M). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid.* C. 2. Qāherah: Maṭba'ah al-Ḥalbī.

Al-Jabûrī, 'Abdullah Muhammad. (1425H/2005M). *al-Fiqh al-Islāmī Bayna al-Aṣālah wa al-Tajdīd.* 'Amān: Dār al-Naghāis.

Al-Jazirī, Abdul Raḥman bin Muhammad. (1424H/2003M). *Al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Khiḍri, Muhammad. (1389H/1969M) *Uṣul al-Fiqh*. Miṣr: al-Maktabah al-Tijatiyyah al-Kubrā.

Mālik bin anas al-Aṣbaḥī. (T.T). *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Mardāwī, ‘Alaw al-din Abī al-Hasan ‘Ali bin Sulaymān. (1384H-1955M). *Al-Inṣāf*. C. 1. T.Tpt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Mubākafūrī. Abū al-Ali Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim. *Tuḥfāh al-Ḥawadhi Bi sharh Jami’ at-Tirmidhi*. T.Tpt: Dār al-Fikr.

Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā. (1412H/1991M). *Al-Fiqh al-Manhajī*. Damshik: Dār al-Qalam.

Al-Nafrāwī. Aḥmad bin Ghanīm.(T.T). *Al-Fawākih al-Dawānī ‘ala risālah Ibn Abī Zaid al-Qairāwī*. Madīnah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.

An-Nafrāwī. Aḥmad bin Ghanīm (1415H/1995M). *al-Fawākih al-Dawānī ‘ala risālah Ibn Abī Zaid al-Qairāwī*. T.Tpt: Dār al-Fikr.

An-Nawawī, Abū Zakariyyā Mahy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. (T.T). *Kitāb Majmu‘Sharh al Muhadhdhab li Shirādhī*. Al-Su‘udiyyah: Maktabah al-Irshad.

An-Nawawī, Abū Zakariyyā Mahy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. (T.T). *Kitāb Majmu‘ Sharh al Muhadhdhab li Shirādhī*. Qāherah: Maṭba‘ah al-‘Ashimah.

An-Nawawī, Abu Zakariyyā Mahy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. (1347H/1929M). *Ṣaḥīḥ Muslim Bisharḥ al-Nawawī*. T.Tpt: Al-Maṭba‘ah al-Miṣriyyah Bi al-azhār.

An-Nawawī, Abu Zakariyyā Mahy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. 1412H/1991M. *Rawḍah al-Ṭālibīn*. Beirut: al-Maktab al-Islamī.

Al-Nawawī, Abu Zakariyyā Mahy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. (1392H) *Al-Minhāj bi Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*. C. 2. Beirut: T.P.

Al-Nisābūrī, Abū al-Husayin Muslim bin Al-Ḥajāj al-Qusāyri.(2005M). *Ṣaḥīḥ Muslim* . al-Su‘udiyyah: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah.

An-Nisābūrī, Abū al-Husayin Muslim bin Al-Ḥajāj al-Qusāyri . (T.T). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-‘Arabī.

Al-Nu‘mān, Al-‘Aẓam Abī Hanīfah. (1310H). *Al-Fatāwā al-Hindiyyah*. C. 2. Meṣir: Mutba‘ah al-Kubra al-Amīrah.

Al-Qarābī, Abū al-‘Abbās Shihābuddin Aḥmad bin Idrīs bin Abdul Raḥman. (1994M). *Al-Dhakhīrah*. Beirut: Dār al-Gharb a-Islāmī.

Al-Sarkhasī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abi Sahl Shams al-Amamah. (T.T). *al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma'rifah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.

Al-Ṣāwī, Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad al-Khalūtī. (T.T). *Bulghah al-Sālik li Aqrab al-Masālik*. T.Tpt: Dār al-Ma'arif.

Al-Shafi'ī al-Ṣaghīr, Shamsu al-Dīn Muhammad bin Abī al-'Abbaās bin Ḥamzah. (1404H/1984M). *Nihāyah al-Muḥtaāj ilā Sharh al-Minhāj*. Cetakkan terakhir. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Sharbīnī, Shamsuddīn Muhammad bin Aḥmad alkhatib. (1415H/1994M). *Mughni al-Muḥtāj*. T.Tpt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Sharbīnī, Shamsuddīn Muhammad bin Ahamad al-khatib. (1415H/1995M). *Mughni al-Muḥtāj*. T.Tpt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Shirādhī, Abū Isḥāq Ibrāhīm bin 'Ali bin Yūsuf. (T.T). *Al-Muhadhdhab Fī al-Fiqh al-Imām Al- Shāfi 'i*. T.Tpt: Dār al-kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Şhawkānī. Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin 'Abdullah. (1413H/1993M). *Nayl al-Awṭar*. Miṣr: Dār al-Hadith.

At-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa bin al-Ḍaḥāk. (1395H/1975M). Sunan at-Tirmidhi. C. 2. Miṣr: Maktabah wa Maṭba'ah Musṭafā al-Bābī al-Ḥalbī.

At-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isā bin Saurah bin Musa bin al-Ḍaḥāk.(1998M). *Sunan At-Tirmidhi*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Tuwayjarī, Muhammad bin Ibrāhīm bin 'Abdullah. (1430H/2009M). *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmī*. C. 4. T.Tpt: Bayt al- Afkār al-Dauliyyah.

'Ubaiyyid, al-Ḥājjah Kaukab. (1406H/1986M). *Fiqh al-'Ibādah 'ala al-Madhab al-Mālikī*. Damshiq-Syria: T.P.

Wahbah Zuḥailī. (1405H/985M). *Fiqh Islamī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dār Fikr.

**Rujukan Dari Buku-Buku Melayu:**

(2003M). *Permasalahan Haji dan Umrah*. Jabatan Urusan Haji KHEU NBD.

(Dec 2014). *Amagram Amway*. Amway Malaysia: Zander Sdn.Bhd.

(T.T). Perancangan Eksekutif Islam 2015M/ 1436-1437H. Malaysia: Wholesale-Mart.

Ābādī, Abu Ishaq Ibrāhīm bin Ali bin Yusuf. Ali Achmadi, Muhammad Yasin, Abdullah & Huda (Pntj). (2002). *Al-Muhazzab*. Johor Baharu: Jahabersa.

Aiman al-Husaini. (2008). *100 Kesalahan Wanita dalam Merawat Tubuh*. Al-Mahira: Jakarta Timur.

Dr. ‘Abdullah bin Muhammad bin ‘Abdul Rahman bin ishaq. (2003M). *Tafsir Ibnu Katsir.* J 2. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi‘i.

Dato Paduka haji Mahmud bin haji Bakyr. (2003M). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Selangor,Malaysia: H.I Holding Sdn. Bhd.

Drs. H. Mohamad Rifai. (1985M). *Ilmu Fiqh Islam Lengkap.* Singapore: JBW Printers & Binders Pte Ltd.

Drs. H.M Asywadie Syukur Lc, (1990M), *Pengantar Ilmu Fikih dan Ushul Fikih.* C 1. Surabaya: Pt. Bina Ilmu.

Fahrur Muis Muhammad Suhaili. (2014M). *Bahagianya Apabila Solatmu Diterima Allah, Bimbingan Lengkap Solat (A-Z).* C.2. Selangor-Malaysia: PTS Millenia.

Al-Halawi, Muhammad Abdul ‘Aziz. (2004M). *Panduan Haji Umrah dan Ziarah.* C 4. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Hj Ibrahim Mohammad, Hj Mohd Yusof Abdul Razak. (2003M). *Menyingkap Rahsia dan Hikmah Haji & Umrah (Dengan Fakta-Fakta Sejarah).* Johor Baharu: Jahabersa.

Hajah Noresah bte Baharom, (1994M). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Ampang Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Muhammad Nur Lubis. (1999). *Janggut dan Misai*. Kuala Lumpur:Al-Hidayah.

Haji Mohd Zain Sarudin dan Ahmad Mahdi Mihad. (1969m). *Dasar-Dasar Pengajian Islam (V)*. C 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Siswa.

Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin. (1980M). *Pengajian Hukum Fiqh 1*. Brunei: Sharikat Mega.

Haji Said Haji Ibrāhīm (Bekas Mufti Sabah). (1992). *Soal Jawab Manasik Haji Dan Umrah*. C.2. Kuala Terengganu: Pencetakan Yayasan Islam Terengganu SDN.BHD. Irsyad Hukum 2003, Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Hj Syahrin Nasution. (2012). *Kesalahan Dalam Solat*. C 6. Kuala Lumpur: Darul Nu‘man.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam. (2012).*LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN 2011, Ciri-Ciri Demografi*. Bandar Seri Begawan: Perpustakaan Dewan dan Pustaka Brunei.

Muhammad Athiyah Khumuais. (2009M). *Fiqih Wanita*. C 20. Selangor-Malaysia: Thinker’s Library SDN BHN.

Muhammad Khalaf Al-Qaz’al. (2009M). H.M Yusof Sinaga & Norhasanuddin (Pntj). *Fikah Ibadat Mazhab Imam Syafi‘I (Karya Asal (B.A): Fiqh Al-Muyassar)*. C 2. Johor Baharu: Jahabersa.

Mohd Shaffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Edisi ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & Ali Asy-Sharbajī. (2010/2011). Ust Ridzuan Hashim, Ust Juanda Jaya, Ust Azizi Ismail Ust Mohd Asri Hashim dan Ust Salehen Ayub (Pntj). *Kitab Fikah Mazhab Shafi'ī (Al-Fiqhul Manhajī)*. Kuala Lumpur: Pustaka SalamSdn Bhd.

Pehin Datu Seri Maharaja dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2010M). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2008*. C 1. Brunei: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn.Bhd.

Pehin Datu Seri Maharaja dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2009M). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam2007*. C. 1. Brunei: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn.Bhd.

Al- Qarḍāwī, Yusuf. (2009M). *Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam*. C. 2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa

Rizem Aizid. (2013M). Kesalahan Dalam Haji dan Umrah. C 2. Selangor: Al-Hidayah House Of Publisher Sdn Bhd.

Siti Mawardah. (1999M). *Pengurusan Jenazah Lengkap Panduan dan Ilustrasi*. C. 3. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Syaikh Kamil Muhammad Uwaidah. (1417H/1996M). *Fikih Wanita Edisi Lengkap.* Jakarta Timur: Pustaka al-Kausar.

Teuku Iskandar. (1970M). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf Qaradhawi. Abu Jabir Muhammad (Pntj). (2009M). *Halal Dan Haram Menurut Perspektif Islam.*Johor Bahru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

Ust. H. Idris Ahmad S.H. (1997). *Fiqh Syafi'i*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd.

Ust. Zaharuddin Abd. Rahman. (2008M). *Formula Solat Sempurna*. Selangor Darul Ehsan: Digitpress Sdn. Bhd.

Zainuddīn Ahmad bin 'Abdul 'Aziz. (T.T). *Fath al-Mu'in*. .C 1. T.Tpt: Dār Ibn Ḥazm.

Majalah Mingguan Wanita, Bil:1605/22-28 Ogos 2014, Keterampilan INSPIRASI rambut terkini.

**Rujukan Daripada Buku Bahasa Inggeris:**

Christopher Davis. (2000M). *Illustrated Oxford Dictionary*. London, Newyork, Sydney, Moscow: Dorling Kindersley.

**Rujukkan Daripada Internet:**


Didiksuyadi's Blog. (21 Mac 2012). Abukarimah.wordpress.com/2012/03/21/hukum-mencukur-rambut-kepala

M.youtube.com/watch?v=sc-ZRQBk5g0&desktop_uri=%2Fwatch%3Fv%3Dsc-ZRQBk5g0. (Ust Azhar Idrus. Hukum Rambut DREADLOCK. 14 Mar 2012)

http://chemistry.about.com/cs/howthingswork/a/aa101203a.htm, (13/3/2013)

http://styles101.homestead.com/haircolor1.html, (13/3/2013)

http://www.mamat.my/2012/13/hukum-mewarnakan-rambut-dalam-islam.htm, (13/3/2013)

http://voices.yahoo.com/the-difference-between-semi-demi-permanent-hair-6173902.html?cat=69, (18/3/2013)

http://science.howstuffworks.com/innovation/everyday-innovations/hair-coloring.htm/printable, (18/3/2013)

www.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaID&lang=A&Id=4788 (25 Julai 2013)

www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-menanam-rambut-di-kepala (28/12/2013)

Farid Ma'ruf. Konsultasi.Wordpress.com/2010/02/03/hukum-rebonding/.

http://kreastafara.blogspot.com/2011/03/sejarah-rambut-gimbaldreadlock-versi.html (25/12/2013)

www.bharian.com.my/articles/Tanamfolikelrambut/Article (3/2/2014)

www.drshahhairclinik.blogspot.com/2013/01/kos-tanam-rambut-hair transplansoalan.html (4/2/2014)

http://kelasiqra.tripod.com/drmasitah_jawab140.html (22hb Julai 2014)

http://www.budakpacak.com/2013/07/gaya-rambut-lelaki-terkini.html?m=1 (06hb Nov 2014)

http://berbagiinfo4u.blogspot.com/2013/08/7-model-gaya-rambut-keren-populer.html?m=0 (06hb Nov 2014)

http://rambutinfo.blogspot.com/2012/10/gaya-rambut-emo.html?m=1 (06hb Nov 2014)

Dr. Selfiyanti B MKes, Spesialis THT di RS Meilia Cibubur,

http://m.republika.co.id/berita/konsultasi/dokter-kita/13/05/03/mm7sv0-boleh-tidak-cabuti-bulu-hidung (7hb Nov 2014)

http://muslimah.or.id/fikih/hukum-wanita-mengeriting-rambut.html (8hb Nov 2014)

Futurebeauty. Kesehatan Rambut. http://artikelkesehatanwanita.com/apa-itu-perming-rambut.html (19hb Nov 2014)

Futurebeauty. Kesehatan Rambut. http://artikelkesehatanwanita.com/proses-perming-rambut-yang-benar.html (19hb Nov 2014)

Mochamad Ali Dwi Daputra.Esalon-Bogor.

http://esalonwanita.blogspot.vom/2012/10/keriting-cantik.html/m=1 (19hb Nov 2014)

Arnisfarida's Blog. Http://arnisfarida.wordpress.com/2012/02/16/aplikasi-kimia-fisik-pengeritingan-rambut-reaksi-redoks/ (19hb Nov 2014)

http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/tanam-rambut-atasi-botak-1.98890 (20hb Nov 2014)

Alkisaman. http://ustaznaim.blogspot.com/2010/02/teknik-rebonding-hakikat-dan-hukum.html/m=1 (20hb Nov 2014)

Ustaz Dr Ridzuan Ahmad. http://www.wanitaisma.net/rahsia-wanita/fiqh-ibadat-a-muamalat/80-hukum-rebonding.html (21hb Nov 2014)